

Pelajar IPT jadi duta kecil basmi kemiskinan

S4 24/07/08 Pg T7

Penuntut IPT perlu berperanan menghapuskan sikap masyarakat yang terlalu bergantung dengan bantuan untuk keluar daripada belenggu kemiskinan yang dialami semasa menyertai program anak angkat.

■ MOHD AZLIM ZAINURY

SUNGAI TONG – Penuntut di institut pengajian tinggi (IPT) berpeluang menjadi duta kecil kerajaan membasmikan kemiskinan rakyat dengan menyertai program anak angkat Wawasan Desa IPT.

Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Masyarakat dan Wanita, Asha'ari Idris, berkata, pelbagai usaha dilakukan bagi mengeluarkan keluarga miskin daripada belenggu kemiskinan.

Katanya, tumpuan hebat terhadap isu kemiskinan dengan menyalurkan bantuan perumahan, kewangan, pendidikan dan pelbagai lagi telah menimbulkan tanggapan bahawa semua itu terpaksa diberikan kerajaan.

“Kejayaan yang dihasilkan itu tanpa disedari menyuburkan lagi kemiskinan dalam kalangan mereka yang bersikap menunggu bantuan,” katanya ketika berucap merasmikan majlis penutup program anak angkat IPT di Dewan Sivik Sungai Tong, semalam.

Menurutnya, walaupun kemiskinan



Nor Shamimi Hashim, 19, mengucapkan selamat tinggal kepada ibu angkatnya, Norlida Sudin, 44, sejurus selepas majlis penutup program anak angkat IPT di Dewan Sivik Sungai Tong, semalam.

masih menghantui sebahagian rakyat, tidak dinafikan ada yang berjaya melepassi garis kemiskinan dengan memperbaiki taraf kehidupan melalui usaha bersungguh-sungguh.

Oleh itu, katanya, penuntut IPT perlu memainkan peranan menghapuskan sikap masyarakat yang terlalu bergantung dengan bantuan untuk keluar daripada belenggu kemiskinan yang dialami semasa menyertai program itu.

“Program seumpama ini dirancang dengan teliti supaya ia dapat mencapai matlamat yang ditetapkan dan peluang terbuka itu

dapat digunakan penuntut IPT untuk memberi pendidikan kepada keluarga miskin supaya lebih berusaha meningkatkan taraf hidup,” katanya.

Pada program tiga hari itu, seramai 41 penuntut Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melibatkan 16 keluarga angkat menjayakan program yang diadakan.

Selain itu, Asha'ari juga berharap supaya peserta terus menabur bakti kepada masyarakat di kawasan berkenaan terutamanya memberi motivasi kepada anak keluarga angkat menjadi pelajar yang berjaya walaupun program sudah berakhir.